



50

bid'alan
mälcayyu



50

BIDALAN MELAYU

(Bergambar)

杨贵谊珍藏
Koleksi Yang Quee Yee

Di-susun dan di-karang

Oleh:

Abdul Jalil Haji Nor

杨贵谊珍藏
Yang Quee Yee

Chetakan p̄rtama
1959

(Hak P̄ngarang t̄rp̄lihara)

Copyright Reserved.

Hiasan Kulit:

Naz Achnas

Lukisan 2:

Naz Achnas.

Rosdin

Ahmad Asran.

Teknik:

Amin Jaya.

KANDONGAN-NYA

1. Ada ayer ada-lah ikan.
- ✓ 2. Lain padang lain belalang.
- ✓ 3. Ayer jernih ikan-nya jinak.
- ✓ 4. Kilat ikan di-ayer.....
- ✓ 5. Ada udang di-balek batu.
6. Anak udang - udang juga.
7. Anak ayam kehilangan ibu.
- ✓ 8. Tanam padi tumbuh lalang.
9. Batu yang sentiasa bergolek.....
10. Biar sakit dahulu senang kemudian.
11. Berat sama di-pikul.
12. Biar sakit badan asal hati suka.
13. Besar pasak dari tiang.
- ✓ 14. Dengar guroh di-langit.....
15. Seperti tempayan rertairap.
16. Ibarat burung mata lepas.....
17. Ikan bukan ular pun bukan.
- ✓ 18. Ikut hati mati, ikut rasa binasa.
19. Seperti sumbu pelita.....
- ✓ 20. Seperti pelita kehabisan minyak.
- ✓ 21. Sebab pulut santan binasa.....
22. Kerana sa-ekor kerbau.....
23. Korban sa-kawan boleh di-kandang....
24. Lembu punya susu sapi punya nama.
25. Lebih sudu kurang bubor.
26. Luka di-tangan nampak berdarah.

27. Marahkan tikus rumah di-bakar.
28. Rumah tērbakar tikus habis lari.
29. Kawannya kētawa banyak....
30. Tērbakar kampung nampak
bērasap.....
31. Mēlēpaskan anjing tērsēpit.
32. Mēmbangkut batang bērēndam.
33. Mēnégakkan bēnang basah.
34. Muka burok chērmir di-pēchahkkan.
35. Biar puteh tulang jangan puteh
mata.
36. Niat hati na' pēlok gunong.....
37. Orang mēnjual kita mēmbēli.
38. Alah mēmbēli mēnang mēmakai.
39. Bērchakap siang pandang².....
40. Panas sa-tahun hujan sa-hari.....
41. Panas sa-tahun balehkah hapus?.....
42. Ta' lēkang dek panas.....
43. Hujan bērbalek ka-langit.
44. Pēchah buyong tēmpayan ada.
45. Pēchah tēmpayan buyong ada.
46. Rumah siap pahat bērbunyi.
47. Sapērti pahat dēngan pēnukul.
48. Rusa masok kampung.
49. Sēpandai² tupai mēlon.pat.....
50. Yang di-kējar ta'dapat.....

KATA PENERBIT

Buku "50 BIDALAN MELAYU" ini, ia-lah buku yang keempat dalam series Buku2 Pēngētahuan Bahasa yang di-tērbitkan oleh HARMY, sēngbaja kami tērbitkan bērpēnggal2 ia-lah untok mēringankan kapada para pēmbacha mēmbēli-nya, tērutama bagi murid2 sēkolah yang tēlah banyak mēnggunakan buku2 kēluaran kami.

Kami bērusaha sēdaya upaya akan mēnērbitkan lagi buku2 Pēngētahuan Bahasa, bukan sētakat buku2 Bidalan dan Pēribahasa Mēlayu sahaja, dan ini ada-lah kērana mēlaksanakakan dēsakan orang ramai tērutama pēminat2 bahasa Mēlayu yang sēkarang ini bukan hanya tērdiri dari bangsa Mēlayu sahaja.

Usaha kami ka-arrah ini kami harap mēndapat sambutan dan pērhatian baik dari para pēminat bahasa Mēlayu khas-nya dan para pēmbacha umum-nya.

BAHASA JIWA BANGSA.

Singapura.
6 hb. June 1959.

R. M. Yusoff Ahmad.

Sa-patah dua:

DARI PENGARANG

Kěrana mēmėnohi pėrmintaan ramai dari kawan2 yang tėlaha pėrnah mėnggunakan buku2 PĒRIBAHASA (BĒRGAMBAR) yang saya karang dan saya susun, ini-lah buku yang kėempat "50 BIDALAN MĒLAYU" saya susun lagi dėngan chara yang paling mudah untok panduan mėmpėrkėnalkan isi dan tujuan sa-suatu maksud yang di-kėhėndakki dalam Pėpatah dan Pėribahasa Mėlayu.

Kandungan ěrti-nya ini walau pun tidak lėngkap saya rasa mėmadai untok pėngėtahuan kanak2 dan murid2 sėkolah atau orang2 asing yang hėndak mėndalami pėnėgtahuan-nya dalam bahasa Mėlayu. Sėmėntara bėlum ada buku2 lain yang lėbeh baik daripada ini untok panduan mėreka.

Ērti2 yang lėbeh dalam dan tidak patut di-kėtahui oleh kanak2 sėnghaja saya tiadakan, dan saya bawakan kapada ěrti2 yang mėnasabah yang boleh di-kėtahui oleh mėreka.

Mudah-mudahan buku ini ada guna-nya kapada murid2 sėkolah dan orang2 dėwasa umum-nya.

Singapura.

6hb. June 1959.

Abdul Jalil Haji Noor.




1. ADA AYER ADA-LAH IKAN
ADA PADANG ADA BELALANG.

Bidalan ini di-kiaskan bagi sa-saorang walau di-mana ia tinggal (bertempat) tentu telah ada rezeki-nya yang telah di-untukkan oleh Tuhan kapada-nya. Tidak ada sa-orang manusia atau sa-suatu makhluk pun hidup dalam dunia ini yang tidak di-beri rezeki oleh Tuhan, dan di-mana tempat yang boleh di-dapati rezeki di-sana pula-lah banyak orang bertempat dan mengunjunginya.

2. LAIN PADANG LAIN BĒLALANG, LAIN LUBOK LAIN IKAN-NYA.

Adat rĕsam bagi manusia pĕnghuni dunia ini yang tĕrdiri dari bĕrbagai² suku dan bangsa bukan sĕmua-nya sama, adat isti'adat mĕreka sĕmua-nya bĕrlainan² mĕngikut ugama, nĕgĕri, atau adat masing² dalam sa-sabuah nĕgĕri itu.

Bidalan ini sĕlalu di-gunakan untok mĕmbĕri naschat kapada sa-saorang pĕmuda yang hĕndal: mĕrantau, supaya pĕmuda itu pandai mĕmbawa diri di-rantau orang, oleh orang tua-nya di-nasehatkan supaya jangan mĕlanggar adat² dalam nĕgĕri² orang kĕrcana mungkin adat isti'adat mĕreka itu bĕrlainan daripada adat isti'adat nĕgĕri kita sĕndiri.



3. AYER JÉRNEH IKAN-NYA JINAK.

Di-maksudkan bagi sa-sabuah nēgēri yang kēlihatan aman dan tēntēram, mēnunjokkan pēmērintahan-nya tērator dan adil. Ra'ayat-nya tēntu di-dalam aman damai dan bahagia.

Di-ibaratkan juga bagi sa-orang yang kēlihatan manis ayer muka-nya mēnunjokkan ia sa-orang yang tahu bērbudi bahasa dan sopan santun.

Ada pula yang mēngiaskan bahawa nēgēri yang aman damai, pērēmpuan2-nya chantek jēlita.


4. KILAT IKAN DI-AYER, SUDAH TĒNTU JANTAN BĒTINA-NYA.

Bagi sa-orang yang bijaksana dĕngan mudah sahaja ia dapat mĕngĕtahui maksud sa-saorang yang bĕrbuat baik atau menabur budi kapada-nya, dan tahu ia sama ada maksud itu baik atau jahat.

Di-maksudkan juga bagi sa-orang yang pandai dan mĕmpunyai ilmu jiwa ia dĕngan mudah dapat mĕnyĕlami kĕpandaian dan tingkah laku sa-saorang itu daripada tutur kata-nya.

Di-katakan juga :

TĒRKILAT IKAN DI-AYER, SUDAH TAHU JANTAN BĒTINA-NYA.



5. ADA UDANG DI-BALEK BATU.

Sa-saorang yang berbuat baik atau mēnolong dēngan tidak bērsēbab tēntu ada suatu maksud yang tersēmbunyi di-sēbalek pērbuatannya itu. Bagi orang yang bijaksana ia tērlēbeh dahulu tēlah tahu apa maksud sa-saorang itu bērbuat baik atau mēnolong pada masa yang tidak di-perlukan itu. Maksud itu sama ada baik atau jahat kēmudian-nya akan tērnyata dēngan sēndiri-nya.

6. ANAK UDANG UDANG JUGA.

Di-kiaskan bagi sa-orang anak murid yang tidak mēnurut kata guru-nya, dan sēgala pēlajaran yang di-ajarkan kapada-nya tidak ada yang tērlēkat di-hati-nya. Kērana kēbēbalan, kēdēgilan dan kēbodohan anak murid yang bēnak ini, guru kadang2 mēngēluh.

ANAK UDANG-UDANG JUGA.

Sēlain daripada mēngēluh itu apakah yang dapat di-buat oleh guru tadi, hēndak di-pukul anak orang, paling banyak guru hanya mēmarahi murid itu, dan mēngēluh.

Pantan sēlēngkap-nya:

Anak udang udang juga

Manakan sama anak tēnggiri

Anak orang orang juga

Manakan sama anak sēndiri.

Di-gunakan juga oleh ēmak tiri atau ayah tiri waktu mēmarahi anak tiri-nya.



7 ANAK AYAM KÉHILÁNGAN IBU.

Sa-buah kampung atau sa-buah nĕgĕri yang kĕhilangan pĕmimpin atau kĕmatian rajanya, dan tinggal-lah ra'ayat dalam kampung atau nĕgĕri itu dĕngan tidak ada pĕmimpin atau tidak ada raja.

Pĕribahasa iri sĕlalu juga di-gunakan dalam majlis2 pĕrpisahahan, jika sa-saorang hĕndak

měmuji kěbijaksanaan atau kěbaikkan orang yang akan běrpisah itu daripada kita, kita mēngibaratkan diri kita sabagai anak ayam yang akan kěhilangan ibu-nya, ia-itu kěhilangan sa-orang pēmimpin yang bijak yang sělama ini těläh mēmimpin kita.

8. TANAM PADI TUMBOH LALANG, AYAM DI-KURONG DI-SAMBAR HĒLANG.

Pěribahasa ini asal-nya dari kělohan sa-orang yang sěntiasa di-rundong malang. Sěbarang apa yang di-kěrjakan mēndatangkan kěrugian sahaja.


Di-kiaskan juga bagi sa-orang těruna kěhilangan kěkasih walau pun kěkasih itu těläh mēnjadi tunangan-nya (těläh di-pinang) tē-tapi ěntah bagaimana ia belot dan mēmutusan pěrtunangan, atau sa-orang lėlaki kěhilangan istěri walau pun pěrěmpuan itu těläh mēnjadi istěri-nya běběrapa lama, tiba? istěri-nya itu lari mēngikut lėlaki lain.

9. BATU YANG SĒNTIASA BĒRGOLEK, TIADA DI-HINGGAP LUMUT.

Orang yang tidak tĕtap dan tidak tĕkon dalam sa-suatu pĕkĕrjaan yang di-hadapi-nya, sampai bila pun pĕkĕrjaan itu tidak akan siap.

Ada pula di-ĕrtikan bahawa sa-saorang yang tidak tĕtap dalam menghadapi mata pĕncha-rian-nya (lekeh), sabĕntar kĕrja sabĕntar tidak, atau sabĕntar ada di-sini dan sabĕntar ada di-sana, sampai bila pun ia tidak akan mĕnĕmui kĕsĕ-nangan. Tidak bĕroleh bĕrkat.

Bidalan ini di-kiaskan juga bagi sa-orang yang ahli dan mahir dalam ilmu hukum atau undang² dĕngan sĕnang sahaja ia dapat mĕlĕpas-kan diri dari hukuman, malahan kadang² dapat ia mĕmbela orang lain daripada kĕna hukum kĕrana kĕahlian-nya dalam ilmu² tĕrsĕbut.



10. BIAR SAKIT DAHULU SENANG
KEMUDIAN.

Orang yang tahan menanggung dērita dan sabar pada mula-nya, akhir-nya akan mēnērima kēsēnangan dan kēmewahan buah dari kēsabaran dan tahan-nya menanggung dērita dahulu.

Sēbalek-nya orang yang sēnang dan mewah dahulu, akhir-nya banyak yang mēndērita dan susah pada bēlakang hari-nya.

Pantun-nya:

Bērakit² ka-hulu * Bērēnang ka-tēpian
Bērsakit² dahulu * Bērsēnang² kēmudian.

11. BĒRAT SAMA DI-PIKUL, RINGAN SAMA DI-JINJING.

Kĕrja sama atau gotong royong yang mĕsti di-amalkan oleh orang dalam masharakat di-kampung, di-bandar dan di-mana2 sahaja.


Kĕrana tolong mĕnolong antara satu sama lain itu sangat pĕrlu tĕruama dalam sa-suatu kĕmalangan yang bĕrlaku dalam sa-suatu kĕluarga dan sĕbagai-nya.

Gotong royong atau kĕrja sama bĕrat sama di-pikul, ringan sama di-jinjing ini pĕrlu juga di-amalkan dalam sa-suatu pĕrkumpulan untok bĕrsuka ria, sapĕrti dalam majlis2 pĕr-kahwinan, kĕrana tidak akan bĕrjaya majlis tĕrsĕbut kalau tidak ada sĕmangat gotong royong ini.

12. BIAR SAKIT BADAN, ASAL HATI SUKA.

Sa-suatu pĕrkĕrjaan yang di-buat oleh sa-saorang dĕngau suka hati-nya sĕndiri, biar bagaimana susah dan bagaimana bĕrat-nya pada pandangan orang lain, tĕtapi pada orang yang mĕngĕrjakan-nya itu di-rasa-nya sĕnang dan tidak mĕnjadi kĕbĕratan, kĕrana apa yang di-kĕrjakan-nya itu tidak di-paksa dan di-rasa-nya sabagai pĕkĕrjaan-nya sĕndiri walau pun pĕkĕrjaan itu makan upah atau di-gaji oleh orang lain.


Bĕrlainan sĕkali dĕngan kĕrja yang di-paksa2kan walau pun kĕrja itu tidak bĕrat tĕtapi kalau di-paksa dan tidak dĕngan suka hati yang mĕngĕrjakan-nya ada-lah di-pandang sabagai suatu bĕban yang amat bĕrat.



13. BĒSAR PASAK DARI TIANG.

Mĕlihat gambar-nya sahaja orang akan kĕtawa, kĕrana salah² hemat rumah itu akan roboh.

Dĕmikian-lah i barat-nya bagi sa-orang yang boros pada mĕngĕluarkan bĕlanja-nya sa-hari², dan tidak di-bandingkan dĕngan pĕndapatan-nya. Sapĕrti pĕndapatan-nya sa-hari \$2.00 tĕtapi ia bĕrbelanja \$4.00, akhir-nya tĕntu ia akan mĕnĕrima kĕsusahan yang akan mĕmbawa kĕbinasaan-nya.



14. DĒNGAR GUROH DI-LANGIT,
AYER SA-TĒMPAYAN DI-CHORAHKAN.


Pĕrihal sa-orang yang tidak sabar, kĕra-
na mĕndĕngar di-tĕmpat lain ia boleh di-tĕrima
bĕkĕrja dĕngan mĕndapat gaji yang lĕbeh
banyak daripada gaji-nya yang di-tĕmpat sĕka-
rang ini dia bĕkĕrja, di-lĕpaskan-nya kĕrja
yang sĕdang di-hadapi itu dan mĕngĕjar kĕrja
yang di-dĕngar-nya boleh mĕndapat gaji bĕsar
itu. Tiba2 ia tidak di-tĕrima bĕkĕrja di-tĕmpat
baharu itu.

Bidalan lain yang erti-nya sa-rupa ini:
YANG DI-KĒJAR TA'DAPAT
YANG DI-KENDONG KĒCHECHERAN.

15. SAPĒRTI TĒMPAYAN TĒRTIARAP
DI-ATAS AYER.

Mĕngharapkan sa-suatu kalau tidak di-sĕrtai dĕngan usaha dan ikhtiar ada-lah mustahil, dan tidak ubah sĕbagai angan² yang tidak boleh di-chapai. Umpama-nya mĕngharapkan tĕmpayan bĕr isi ayer, tĕtapi tĕmpayan itu di-biarkan tĕrtiarap di-atas ayer, sampai bila pun tĕmpayan itu tidak akan bĕr isi, masakan boleh ayer itu masok ka-dalam tĕmpayan yang tĕrtiarap itu. Sapatut-nya di-ikhtiarkan supaya ayer itu masok dan mĕmĕnohi tĕmpayan itu.

Pĕribahasa ini di-sĕbut untok mĕnasehati orang yang pĕmalas dan tidak mahu bĕri-ikhtiar atau bĕrusaha, dan di-maksudkan juga bagi orang bĕbal yang susah mĕnĕrima nasehat atau mĕnĕrima pĕlajaran, biar pun tĕlinga-nya mĕndĕngar mulut-nya tĕrnganga, tĕtapi ada-lah sapĕrti tĕmpayan yang tĕrtiarap di-atas ayer.



16. IBARAT BURONG MATA LĒPAS BADAN TERKURONG.

Burong yang di-maksudkan di-dalam bidalan ini ia-lah burong yang di-dalam sangkar. Mata-nya lĕpas bebas mĕmandang ka-mana sahaja, tĕtapi kasehan badan-nya tidak bebas dan dia tidak dapat bĕrbuat sĕsuka hati-nya.

Bidalan ini di-maksudkan bagi sa-saorang yang tidak mĕndapat kĕbebasan bĕrgĕrak, umpama-nya anak2 gadis pingitan yang sĕntiasa di-jaga dan di-kawal oleh kĕluarga-nya. Dan boleh juga di-umpamakan bagi sa-saorang yang mĕringkok dalam tahan (jil), atau anak2 jajahan yang bĕlum dapat kĕmĕrdekaan tanah ayer dan bangsa-nya.



IKAN BUKAN ULAR PUN BUKAN.

17. IKAN BUKAN ULAR PUN BUKAN.

Sindiran bagi sa-orang yang tidak di-kētahui bagaimana pēndirian-nya, atau tidak di-kētahui kēlakuan yang sēbēnar-nya. Kērana orang itu ada kala-nya suka bērbuat baik, tētapi ada pula kala-nya ia mēlakukan pēkērja-an² yang mēnyalahi adat atau ugama.

Orang yang sapērti itu ada-lah di-umpama-kan sapērti sa-ekor binatang yang tidak di-kētahui apa jēnis-nya, kērana hēndak di-kata-kan ular kēpala-nya sapērti ikan, dan hēndak di-katakan ikan badan-nya pula sapērti ular.



18. IKUT HATI MATI,
IKUT RASA BINASA.

Jika sa-orang tidak dapat mēngawal hawa nafsu-nya dan di-turuti kahēndak hawa nafsu itu nēschaya kēchewa-lah kērudahan-nya dan akhir-nya akan mēmbawa kēbinasaan diri dan kēbinasaan hidup-nya.

Bidalan ini sēlalu di-gunakan bagi mē-naschati sa-orang yang tēlah tidak sēdarkan diri-nya, kērana mēlanggar adat dan hukum ugama-nya.

19. SAPERTI SUMBU PELITA, MEMBAKAR DIRI-NYA MENERANGI YANG LAIN.

Jasa atau kebaikan sa-orang yang berani mengorbankan diri-nya atau harta-nya untuk kesenangan orang lain, di-ibaratkan sebagai sumbu pelita yang menerangi orang lain tetapi membakar diri-nya sendiri.

Di-ibaratkan juga bagi sa-orang yang pandai berchakap dan pandai menasihati orang lain supaya berbuat baik, tetapi diri-nya sendiri tidak berbuat demikian, atau pandai menjaga diri-nya sendiri.

20. SAPERTI PELITA KEHABISAN MINYAK.

Perihal sa-orang tua yang telah tidak bermaya lagi, kerana sakit atau penderitaan yang di-tanggong-nya selama ini. Tidak ada harapan lagi bagi-nya menemui kesenangan dalam dunia ini.

21. SĒBAB PULUT SANTAN BINASA SĒBAB MULUT BADAN MĒRASA.

Kadang2 sa-suatu kĕchĕlakaan yang tĕrjadi kapada diri sa-saorang itu asal-nya daripada mulut-nya sĕndiri, umpama-nya kĕrana chĕlupar, mulut gatal, umpat mĕngumpat, adu mĕngadu dan lain2 hal lagi.

Bidalan ini sĕlalu di-gunakan bagi mĕnaschati orang yang jahat mulut, supaya dĕngan itu ia bĕrjimat dan tidak mĕngata nĕsta dĕngan sĕmalu2-nya.



22. KÉRANA SA-EKOR KÉRBAU

MÉMBAWA LUMPOR, SĒMUA TĒRPALIT.

Sa-orang yang mēmbuat atau mēlakukan kēsalahan, kawan2-nya yang sa-pērgaulan turut tērtudoh atau turut mēndapat nama yang tidak baik.

Pēribahasa ini kērap di-gunakan untok bērhati2 kalau sa-saorang itu mēnchari sahabat atau kawan, dan jangan sa-kali2 bērkawan atau bērsahabat dēngan orang2 yang jahat, kērana kalau ia bērbuat kējahatan sēmula kawan2-nya turut mēndapat nama yang tidak baik.

23. KĒRBAU SA-KAWAN BOLEH DI-KANDANG, MANUSIA SA-ORANG TIADA TĒRKAWAL.

Untok mĕnjaga hati sa-orang sahabat, kawan atau sa-orang kĕluarga sĕndiri supaya jangan sampai bĕrkĕchil hati dĕngan kita bukan mudah. Bolch juga di-ĕrtikan bahawa bukan mudah hĕndak mĕmaksas sa-orang sahabat itu mĕsti mĕgikut dan mĕnurut apa kata kita, kĕrana manusia masing2 bebas dĕngan faham atau fikiran yang di-anuti oleh mĕreka sĕndiri2.

Bidalan ini juga biasa-nya di-gunakan oleh orang tua2, mĕmbayangkan bagaimana susah-nya mĕmĕlihara dan mĕnjaga sa-orang anak gadis (pĕrawan) rumaja, mĕnjaga supaya nama baik sa-kĕluarga jangan tĕrchachat kĕrana kĕlakuan gadis itu. Apatali lagi kalau anak gadis itu tidak mĕnurut kata orang tuanya, pada mĕreka lĕbeh baik mĕnjaga kĕrbau sa-kandang daripada mĕnjaga sa-orang anak gadis yang ta'mahu mĕngikut kata.

24. LĒMBU PUNYA SUSU, SAPI PUNYA NAMA.

Lain orang yang bĕrbuat jasa tiba2 lain orang pula yang mĕndapat nama.

Bidalan ini di-maksudkan bahawa ada kala-nya kĕrana kĕlengahan dari pada kita sĕndiri, sĕgala apa yang tĕlah kita buat dan kita kĕrjakan dĕngan bĕrsusah payah tiba2 orang lain pula yang mĕndapat nama baik.

Kĕjadian sapĕrti ini boleh jadi kĕrana pĕngkhianatan kĕrana orang lain itu mĕngakui sĕgala buatan kita itu dia konon yang mĕmbuat-nya, dan boleh jadi kĕrana kita hanya makan upah daripada-nya, jadi sĕgala pĕrbuatan kita itu dia-lah (si-pĕngupah) yang mĕngaku mĕmbuat-nya, sia-sia-lah kĕpĕnatan kita.




25. LEBEH SUDU KURANG BUBOR.

Sa-orang yang mēnanggong banyak kēluarga dan kēluarga itu mēngharapkan dia sa-orang sahaja-lah yang akan mēmbēri nafkah mēreka, sudah tēntu walau bagaimana di-chērmatkan pun akan kēkurangan juga.

Di-maksudkan juga bagi sa-orang yang tidak ada ilmu pēngētahuan tētapi chakap-nya sēlalu bēsar dan tinggi. Atau suatu bērita yang kēchil tētapi oleh mulut orang di-bēsar2-kan-nya.

26. LUKA DI-TANGAN NAMPAK
BERDARAH LUKA DI HATI
SIAPA YANG TAUU?



Penderitaan batin (sakit hati) sa-sorang itu tidak dapat di-tunjok2-kan, dan tidak ada siapa yang akan tahu melainkan orang yang menderita itu sendiri. Kalau ia menceritakan hal-nya kepada orang lain pun agak-nya orang tidak percaya, kerana itu terpaksa di-pendam di-hati-nya sendiri.

Bidalan iri di-kiaskan bagi sa-orang yang luka hati-nya (sakit hati) kerana di-jatuhkan ayer muka-nya di-hadapan orang ramai, atau kerana ia di-sindir, atau kerana ia di-kéchwakan dalam perhintaan

Pantun-nya:

Buah berangan masak mēnehelah
Mari di-muat ka-dalam perahu
Luka di-tangan nampak berdarah
Luka di-hati siapa tahu?



27. MARAHKAN TIKUS,
RUMAH DI-BAKAR.

Di-kiaskan pada sa-orang pēmarah yang tidak dapat mēngawal kēmarahan-nya. Kērana tērlampau marah ia tidak sēdar mēlakukan sa-suatu pēbuatan yang mēnjahnamkan harta bēnda-nya dan mērugikan diri-nya sēndiri.

Di-katakan juga:
MARAHKAN TIKUS PADI DI-BAKAR.

Maksud-nya kerana memarahkan tikus yang memakan padi simpanan-nya, padi simpanan-nya sa-lombong di-bakar kesemua-nya.

Bidalan sa-umpama ini:

**MARAHKAN NYAMOK, KELAMBU
DI-BAKAR.**

**28. RUMAH TERBAKAR, TIKUS
HABIS LARI.**

Pərihal suatu pengkhianatan dalam persahabatan. Kalau hendak tahu dan membezakan mana sahabat baik dan mana sahabat churang lihat-lah pada sa-suatu kesusahan.

Bidalan ini di-maksudkan bagi sa-orang yang dahulu-nya banyak sahabat dan kawan, kerana dia waktu itu kaya atau senang, tiba2 di-waktu ia jatuh miskin tidak ada sa-orang kawan yang mahu merapati-nya apatah lagi membantu-nya.

Përibahasa lain mēngatakan:

29. KAWAN KĒTAWA BANYAK,
KAWAN MĒNANGIS SUSAH DI-CHARI.

Satiap orang yang kita kēnal dan satiap orang yang kēnal dēngan kita itu-lah dia kawan atau sahabat. Kēbanyak-kan sahabat dan kawan itu hanya bērkawan dan bērsahabat dēngan kita kalau sama² dalam suka dan sēnang, tētapi jarang sēkali kawan dan sahabat yang mahu bērsama - sama dalam susah dan sēnang kita, kalau ada memang itu-lah sahabat yang sētia.

30. TĒRBAKAR KAMPONG NAMPAK
BĒRASAP, TĒRBAKAR HATI
SIAPA YANG TAHU?

Tiap² kēsusahan dan pēndēritaan itu tidak dapat di-pērhatikan dēngan ayer muka. Kadang² ada kala-nya sa-orang yang kēlihatan tērsēnyum dan saperti orang tidak mēnanggong susah, tētapi di-sēbalik sēnyum-nya itu ia mēndērita, dan pēndēritaan-nya itu hanya di-rasakan oleh-nya sēndiri.

Bidalan ini sēlalu di-gunakan bagi sa-sa-orang yang kēchewa dan mēndērita pērasaan.



31. MELÉPASKAN ANJING TERSEKIT.

Përbuatan baik yang sia-sia. Sa-orang yang mënolong mëlépaskan sa-orang daripada kësusahan atau këmungkinan, sèpatut-nya di-balas përtolongan itu dëngan baik, tètapi bagi orang yang tidak mêngënanang budi përtolongan itu tidak di-pandang sëbagai suatu jasa malahan di-balas dëngan kējahatan pula.

Umpama-nya ada-lah sapërti anjing pada waktu tersëpit tërlolong² minta përtolongan tètapi bila di-lépaskan, orang yang mëlépaskan-nya itu pula yang di-gigit-nya.

Di-sëbut juga:

**TOLONG ANJING TERSEKIT,
SÈSUDAH LÉPAS DIA MENGGIGIT**




32. MĒMBANGKIT BATANG BĒRĒNDAM.

Nama baik yang tĕlah tĕrchĕmar atau tĕrbĕnam itu bukan mudah hĕndak mĕnimbulkan-nya kĕmbali supaya harum dan di-hormat orang. Ini tidak ubah sapĕrti hĕndak mĕngĕluarkan batang kayu yang tĕlah lama tĕrĕndam di-lumpur.

Pēribahasa ini di-kiaskan juga bagi sesuatu kēluarga bekas orang tērnama atau tērkēmuka, satēlah lama ia di-lupakan orang ramai tiba2 ada pula anak atau chuchu orang itu yang sēkarang ini mula tērnama kērana pēngētahuannya yang tinggi atau kērana bērolch pangkat, maka tērkēnang kēmbali lah kēmēgahan nama orang tua-nya di-zaman dahulu, dan anak itu di-kiaskan sēbagai:

MĒMBANGKIT BATANG BERĒNDAM.



33. MENEGAKKAN BENANG BASAH.

Kedegilan sa-sorang yang tidak mau kalah dalam sa-suatu perkara. Biar pun perkara itu sudah tentu "Bukan" atau "Salah" tetapi sĕdaya upaya ia berdegil dan mĕngatakan "Ya" dan Bĕnar apa yang di-katakan-nya itu.

Bidalan ini kĕrap di-gunakan bagi sa-orang yang mĕmpĕrtahankan suatu perkara yang mustahil dapat di-pĕrtahankan.



**34. MUKA BUROK, CHERMIN
DI-PECHAHKAN.**

Orang yang tidak tahu membalas budi,
selalu menyalahkan takdir, malahan segala ke-
salahan di-tumpukan kapada orang lain.

Di-ertikan juga bagi sa-orang yang tidak ada budi bahasa. Ségala orang yang mēnasehati dia kērana kēlakuan-nya yang tidak baik itu bukan di-tērima dēngan baik, malahan di-musohi orang yang mēnasehatkan-nya tadi.

35. BIAR PUTEH TULANG, JANGAN PUTEH MATA.

Kēputusan sa-saorang yang tēlah hilang kēsabaran-nya dan bērputus asa. Dia bērniat lēbeh baik mati (Puteh Tulang) dari pada hidup mēndērita dan susah hati kērana mēnanggong malu (Puteh Mata).

Malu yang di-maksudkan di-sini boleh jadi kērana hajat-nya tidak kēsampaian, atau kērana di-hina2kan oleh orang lain dan sabagai-nya.



36. NIAT HATI NA' PELOK GUNONG,
APAKAN DAYA TANGAN TA' SAMPAI.

Kelohan sa-orang yang berchita2 tinggi, tetapi tidak dapat menchapai apa yang di-hajati-nya kerana kemiskinan atau kekurangan2 yang ada pada-nya. Saperti anak sa-orang miskin ia berchita2 untok melanjutkan pelajarannya ka-sekolah2 tinggi, tetapi ia berasa dirinya tidak berdaya kerana kemiskinan ayahnya atau kerana tidak ada siapa yang akan membantu-nya.

Bidalan ini juga di-kiaskan bagi sa-orang pēmuda yang putus harapan kērana tidak dapat mēminang anak gadis hartawan kērana ia di-anggap tidak sa-taraf atau tidak bērharta.

Pantun-nya:

KAPAL API ASAP BERGOLONG
ANAK BUAYA TERLAMPAI-LAMPAI
NIAT DI-HATI NA' PELOK GUNONG
APAKAN DAYA TANGAN TA' SAMPAI.



37. ORANG MĒNJUAL KITA MĒMBĒLI.

Kalau ada yang mĕmulakan baharu-lah ada yang mĕlayani, dĕmikian-lah bidalan orang tua². Ini bukan di-maksudkan pada bĕrjual bĕli sahaja tĕtapi di-ĕrtikan juga dalam pĕrgaulan sahari², sapĕrti dalam pĕrkĕlahian dan pĕrlawanan. Ērti-nya kalau ada yang mĕndahului baharu-lah kita layan.

Di-katakan juga:

**SABĒLUM ORANG MĒNJUAL,
JANGAN KITA MĒMBĒLI.**

38. ALAH MĒMBĒLI MĒNANG MĒMAKAI.

Dalam soal bĕrjual bĕli, sa-saorang itu kadang2 akan tĕrasa rugi kĕrana mĕmbĕli sa-suatu barang yang tĕrmahal harga-nya, tĕtapi kalau harga barang itu memang bĕtul2 mahal mĕnunjokkan barang itu memang baik pĕrbutan-nya dan tinggi mutu-nya, kĕrana satiap ADA RUPA ADA HARGA. Akhir-nya kĕmudian baharu-lah di-kĕtahui bahawa barang yang di-bĕli-nya dĕngan barga mahal itu tahan lama di-lasak dan di-pakai.

39. BĒRCHAKAP SIANG PANDANG² BĒRCHAKAP MALAM DĒNGAR²

BĒrchakap sa-suatu rahasia yang tidak mahu di-dĕngar oleh orang lain hĕndaklah bĕrhati², supaya rahasia itu jangan sĕgĕra bochor dan sĕgĕra di-kĕtahui oleh orang lain.

Bidalan ini bukan hanya di-maksudkan kita mĕsti bĕrhati² dĕngan mata dan tĕlinga sahaja, tĕtapi di-maksudkan juga kalau boleh gunakan-lah otak dan fikiran kita di-mana dan dĕngan siapa kita mĕlĕpaskan chakap² rahasia itu, kĕrana ada kala-nya orang yang kita pĕrchayai dĕngan rahasia itu, orang itu pula-lah yang mĕnyĕbabkan rahasia itu bochor dan sĕgĕra di-kĕtahui orang.

40. PANAS SA-TAHUN DI-HAPUSKAN
OLEH HUJAN SA-HARI.....



Pada orang² yang tidak bĕrbudi dan tidak ada timbang rasa itu, tidak guna kita bĕrbuat baik kapada mĕreka, kĕrana biar bĕrapa banyak kĕbaikkan yang tĕlah kita buat, tĕtapi kĕrana suatu kĕsalahan yang sĕdikit atau suatu kĕkhilafan yang kita buat, hilang-lah sĕgala kĕbaikkan yang kita buat sĕlama ini, timbul pula sĕgala kĕburokkan kita.

Di-katakan juga:

KĔMARAU SA-TAHUN ROSAK OLEH
HUJAN SA-HARI.

41. PANAS SA-TAHUN DAPATKAH DI-
HAPUSKAN OLEH HUJAN SA-HARI??

Ada-nya tanda tanya dalam bidalan ini mĕnjadikan bĕrlainan sĕkali ĕrti-nya daripada ĕrti bidalan di-atas tadi.

Di-sini di-maksudkan bahawa budi baik yang tĕlah banyak di-tabur itu, bolehkah di-hilangkan dĕngan kĕkhilafan sĕdikit yang kita lakukan?. Atau kĕpichekan atau kĕsusahan yang bĕrat sangat itu ta'kan dapat di-hapuskan oleh bantuan yang di-berikan hanya sĕdikit sahaja.

42. TA' LĒKANG DEK PANAS,
TA' LAPOK DEK HUJAN.

Di-maksudkan bagi sa-suatu Undang² atau adat istiadat yang tidak bĕrubah² dari zaman nenek moyang hingga-lah ka-zaman kita sĕkarang ini. Dan di-katakan juga bagi pĕndirian sa-saorang yang tĕtap dan tidak bĕrganjak. Ia tĕtap dĕngan pĕndirian atau faham yang di-anutinya, tidak dapat di-ubah² atau di-pĕrkotak katekkan oleh pĕndirian dan fahaman orang lain.

43. HUJAN BERBALEK KA-LANGIT.

Di-kiaskan bagi suatu pĕrkara yang luar biasa tidak sapĕrti yang sĕpatut-nya. Sapĕrti sa-orang kaya mĕngharapkan bantuan dari sa-orang miskin, orang bodoh mĕngajar orang yang pandai dan sabagai-nya.



44. PÉCHAI BU YONG TÈMPAYAN ADA.

Bidalan bagi sa-orang yang kēhilangan sa-orang sahabat yang tidak baik budi pěkerti-nya. Tidak-lah mēnjadi kērugian bagi-nya, kērana dēngan tidak ada-nya kawan yang kurang bër-budi itu moga² ada pula kawan budiman yang boleh mēnjadi sahabat baik kapada-nya.

Përibahasa ini juga di-gunakan untok suami atau istëri yang baharu bërchërai kërana masing2 itu tidak sësui dëngan yang lain. Jadi dëngan përchëraian itu mudah-mudahan masing2 akan dapat jodoh-nya yang sësui dan sa-faham.

Bidalan ini juga kadang2 di-gunakan oleh suami dan istëri yang sëdang bërbantahan2 dan sama juga dëngan përupamaan:

BUNGA BUKAN SA-KUNTUM,
KUMBANG BUKAN SA-EKOR.

Përibahasa atau bidalan ini përnah pula di-gunakan sëbalek-nya:

45. PECHAH TEMPAYAN BUYONG ADA.

Pantun-nya:


Pěchah tēmpayan buyong ku ada

Tēmpat ayer mēmbasoh kaki

Lēpas Bayan Tiungku ada

Tiung-lah tēmpat mēnghibor hati.

Érti dan maksud-nya boleh di-katakan hampir2 sama, boleh jadi pada pēnchipta pantun ini, burong Tiung itu pada-nya lēbeh indah dan lēbeh baik daripada burong Bayan.



46. RUMAH SUDAH PAHAT BÉRBUNYI.

Suatu tegoran yang di-datangkan oleh sa-orang yang tidak jujur, bachol atau datang-nya dari perasaan dengki. Sĕlalu datang-nya tegoran itu satĕlah sa-suatu pĕrkara itu siap di-buat dan sĕlĕsai di-kĕrjakan tiba² ada orang yang mĕngatakan itu-nya, ta' kĕna ini-nya kurang baik dan sabagai-nya.

Bidalan ini juga di-maksudkan bagi sa-sa-orang bachol yang hanya mēndiamkan diri dalam sa-suatu mashuarat, tētapi bila tēlah sēlēsai sēgala pērkaras di-mashuaratkan dalam mashuarat itu, pandai pula ia mēnēgor dan bērkata ada yang tidak bētul dalam mashuarat tadi. dan ada pula fikiran² yang di-katakannya lēbeh daripada apa yang tēlah di-putuskan dalam mashuarat tadi.

47. SAPERTI PAHAT DENGAN PĒNUKUL.

Tabi'at orang yang tidak mahu mēmbuat sa-suatu mēlainkan kalau di-suroh. Biasa-nya tabi'at ini di-punyai oleh sa-orang yang tidak tahu kēwajipan yang tēlah di-tugaskan kapada diri-nya dan tidak tahu tanggung jawab dalam satu² pēkerjaan yang di-hadapi-nya.




48. RUSA MASOK KAMPONG.

Pêrihal sa-orang yang dalam kěadaan bingung kěrana baharu sahaja kali itu ia masok ka-bandar, atau orang kěhairanan mēlihat sa-suatu yang bēlum pěrnah di-lihat-nya, pada hal orang lain tēlah tidak hairan lagi dēngan barang yang mēnjadi kěhairanan-nya.

Umpama orang itu ada-lah:

SAPERTI RUSA MASOK KAMPONG.



49. SĒPANDAI2 TUPAI MĒLOMPAT,
ADA KALA-NYA JATOH KA-TANAH JUGA.

Kĕchĕkapan tupai mĕlompat dari sa-pohon ka-sa-pohon yang lain, dari batang ka-ranting yang lain, tidak dapat siapa pun yang boleh mĕnandingi. Dĕmikian-lah ibarat-nya orang yang pandai mĕnggunakan tipu muslihat-nya mĕmpĕrdayakan orang lain, biasa mĕnipu dĕngan

chara yang licin sa-kali, tětapi suatu masa kėlak sėgala rahasia-nya yang tidak di-kėtahui orang itu akan dapat juga di-chium orang, dan akhir-nya akan dapat juga di-pėrangkap kėrana kėlingahan-nya sėndiri.

Pėribahasa ini juga di-maksudkan untok kėsilapan dan kėsalahan sa-saorang yang tidak dapat di-elakkan. Sasiapa pun manusia yang hidup dalam dunia ini, walau ia mėngaku mėmpunyai kėpandaian yang sa-tinggi langit sa-kali pun, ia tidak luput dari mėlakukan kėsalahan2 atau kėkhilafan.

Di-sėbut juga:

**SA-PANDAI2 TUPAI MėLOMPAT,
TA' BANYAK SA-KALI JATOH
JUGA KA-TANAH.**



50. YANG DI-KĒJAR TA'DAPAT,
YANG DI-KENDONG KĒCHECHERAN.

Di-kiaskan pada sa-orang yang bĕrsifat tama' dan haluba, tidak mĕmada dĕngan barang yang sĕdikit atau barang yang tĕlah ada di-tangan-nya sĕndiri, malahan ia mahu dan mĕng-kĕhĕndakki barang yang ada di-tangan orang lain. Akibat orang yang bĕrsifat tama' ini sĕlalu hampa dan kĕchewa. Apa yang di-kĕhĕndakki tidak dapat, dan apa yang ada di-tangan-nya tĕrlĕpas.